

23 OCT 2002

Mahathir-Air/I

M'SIA MUNGKIN CADANG HARGA LEBIH TINGGI BAGI AIR KE S'PURA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mungkin meminta Singapura membayar lebih daripada 60 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah yang dibelinya dari negara ini.

"Mereka mencadangkan 45 sen dan kita minta 60 sen, tapi kini mereka minta ia dikurangkan kepada 12 sen, jadi saya fikir kita patut naikan harga kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan seminar antarabangsa Dinar Emas Dalam Dagangan Pelbagai Hala di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan membincangkan harga baru itu dengan Singapura berpandukan kepada harga semasa.

"Perkara ini perlu kita rundingkan, iaitu apakah harga sebenarnya? Apabila anda beli sesuatu, ia mestilah mencerminkan harga pasaran.

"Anda tidak boleh mengharap harga istimewa dengan berpandukan kepada beberapa helai kertas yang sudah usang," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas laporan berita dari Singapura yang memetik beliau sebagai berkata bahawa republik itu telah menyemak semula cadangan awalnya daripada 45 sen kepada 12 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah yang dibelinya dari Malaysia.

Beliau berkata harga lebih rendah yang dicadangkan oleh Singapura menunjukkan republik itu tidak berminat menyelesaikan isu berkenaan.

Katanya Singapura percaya selagi masalah berhubung harga air tidak diselesaikan, mereka boleh mendapatkan bahan itu pada harga tiga sen.

"Kita beri jaminan bahawa kita akan terus membekalkan air kepada Singapura bagi memenuhi keperluannya iaitu air untuk mandi, minum dan membasuh dan bukan bagi tujuan menjualnya dan mengaut keuntungan besar," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Singapura menjual 1,000 gelen air yang sudah dirawat kepada kapal pada harga S\$20 yang pada suatu ketika dulu sama nilainya dengan RM40.

"Anda boleh beli sesuatu pada harga tiga sen, basuhnya sedikit dan kemudian jualnya pada harga RM40, berapa peratuskah (keuntungan) itu?

"Mereka bersungut kononnya kita meminta harga yang tingginya 1,000 kali ganda (lebih), tapi daripada tiga sen kepada RM40 berapa peratuskah gandaanya? Saya tidak pandai matematik," kata beliau.

Ditanya sama ada harga lebih rendah yang dicadangkan oleh Singapura itu bererti kedua-dua negara kini kembali kepada keadaan asal, Perdana Menteri berkata:

"Tidak, bukan balik asal, ia satu kemajuan, daripada tiga sen kepada 12 sen bererti kenaikan sebanyak 400 peratus".

Apabila diitanya kenapa begitu susah untuk mencari kadar pertengahan, Dr Mahathir menjawab:

"Ya, kadar pertengahan yang mereka cadangkan ialah 45 sen, kadar pertengahan kita pula ialah 60 sen, tapi kini mereka kurangkan kepada 12 sen, kadar pertengahan kita akan lebih dari 60 sen."

Ditanya pula adakah kerajaan sudah memutuskan untuk mengambil tindakan terhadap Rohan Gunaratna, pengarang buku "Al-Qaeda: Global Network of Terror", beliau berkata kerajaan sedang mengkaji buku itu.

"Mengikut buku yang ada pada kita, memanglah ia tidak kata Barisan Nasional mempunyai kaitan dengan Al-Qaeda, tapi ia ada menyebut bahawa BN mempunyai hubungan dengan MILF (Barisan Pembebasan Islam Moro).

"Bagi kerajaan BN, kita sememangnya mempunyai hubungan dengan MILF kerana kita membantu kerajaan Filipina menyelesaikan masalah mereka di

selatan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata para wakil MILF telah datang kes sini suatu ketika dulu untuk menandatangani perjanjian dengan Filipina, yang disaksikan oleh wakil-wakil kerajaan Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) belum lagi memberi respons terhadap bantahan yang dibuat oleh Malaysia berhubung laporan yang mengaitkan negara ini dengan Al-Qaeda.

"Laporan PBB jelas mengaitkan Barisan Nasional dengan Al-Qaeda, tapi buku Gunaratna tak kata dengan Al-Qaeda, dia kata dengan MILF," katanya.

Beliau berkata Malaysia masih berminat untuk mengetahui bagaimana Gunaratna memperoleh maklumat tentang Malaysia untuk bukunya itu.

Mengulas dekri anti keganasan yang dikeluarkan oleh Presiden Megawati, Dr Mahathir berkata beliau percaya kejadian yang berlaku di Bali telah menguatkan tekad presiden republik itu untuk menangani isu berkenaan.

"Sekiranya beliau ambil tindakan seperti itu sebelum ini, dia mungkin dituduh cuba menekan umat Islam atau sebagainya dan saya rasa secara umumnya, Indonesia menyokong pendapat yang mengatakan terdapat pengganas di negara itu dan mereka ini perlu ditangani," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AFY AZZ SP RON